

UMNO Seremban calonkan Hussein dan Mahathir jadi presiden, timbalan

REMBAU, Isnin.— (Bernama). Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dan Timbalannya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dicalonkan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden UMNO Malaysia oleh UMNO Bahagian Seremban yang bersidang kelmarin.

Bahagian itu juga mencalonkan Menteri Kewangan, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam dan Setiausaha Agung Barisan Nasional Encik Ghafar Baba untuk jawatan naib presiden.

Mereka yang dicalonkan ke Majlis Kerja Tertinggi UMNO ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Samad Idris, Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat, Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara, Datuk Seri Hamzah Abu Samah, Menteri Pertanian, Datuk Shariff Ahmad, Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri-Menteri Besar Negeri Sembilan, Kelantan, Johor, Trengganu dan Perlis.

Timbalan Menteri Kewangan Puan Rafidah Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan, Encik Mokhtar Hashim, Timbalan Menteri Dalam Negeri Encik Rais Yatim, Timbalan Menteri



DATUK HUSSEIN

di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa, Setiausaha Politik Menteri Kewangan Am Puan Zaleha Ismail, Pengerusi Mada Datuk Syed Nahr Shahabuddin, Pengerusi Bank Pertanian Dr. Agus Salim, Senator Kamarul Ariffin dan Ketua UMNO Bahagian Seremban Encik Yazid Baba.

Pilih semula

Dalam pemilihan untuk bahagian, Encik Yazid Baba dipilih semula sebagai ketua setelah mengalahkan seorang lawannya. Sementara Timbalannya Sheikh Hamid bin Mohamad Said menang tanpa bertanding dan Naib Ketua direbut oleh Encik Mahazan Hamzah.

Persidangan perwakilan bahagian telah meluluskan 59 usul dan menolak satu usul yang mendesak setiap wakil rakyat dihadkan kepada



DR. MAHATHIR

dua penggal sahaja seperti yang dicadangkan oleh Cawangan Gedung Lalang.

Usul-usul diluluskan:

■ Mendesak Kementerian Pelajaran melaksanakan sistem integrasi di mana Sekolah Kebangsaan, Tamil dan Cina diletakkan dibawah pentadbiran seorang guru besar sahaja sebagai satu usaha mempercepat pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan taat setia.

Kukuh

■ Mendesak Kerajaan memberi peruntukan yang lebih besar kepada Kementerian Pertahanan supaya kekuatan pertahanan negara lebih kukuh dan saintifik serta selimbang dengan kekuatan ketenteraan lain-lain negara Asia.

DI PORT DICKSON persidangan perwakilan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Teluk Kemang masing-masing telah mencalonkan Haji Suhaimi Kamaruddin dan Datin Paduka Hajah Aishah Ghani untuk jawatan Ketua Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia.

Persidangan perwakilan pemuda bagaimanapun telah menyerahkan pemilihan lain-lain calon untuk jawatan naib dan Exco Pemuda Malaysia kepada 'kebijaksanaan' jawatankuasa bahagian itu sendiri.

Persidangan pemuda itu telah memilih dua orang guru untuk menduduki kerusi ketua dan naib ketua pemuda bahagian. Mereka ialah Encik Mohamad Isa bin Haji Abdul Samad sebagai Ketua dan Encik Abdullah Awang sebagai Timbalan.